



**PELAN TINDAKAN
PEMBANGUNAN MAMPA
BANDARAYA JOHOR BAHRU
2035**

PENGHARGAAN
PELAN TINDAKAN
PEMBANGUNAN MAMPAN
BANDARAYA JOHOR BAHRU
2035

Disediakan oleh:



JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



JOHOR BAHRU

***'Becoming A Green, Smart,
And Sustainable City
By 2035'***



KATA-KATA ALUAN DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.



“ Pembangunan Bandaraya Johor Bahru Mampan, Pintar Serta Berdaya Huni Yang Bertaraf Antarabangsa’

Sebuah Pembangunan Ke Arah Mencapai Pembangunan Untuk Semua Bagi Memastikan Keamanan Dan Kesejahteraan Sejagat ”

Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 telah dilancarkan pada tahun 2015 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang memfokuskan kepada pembangunan bagi mencapai masa depan yang lebih baik dan lestari untuk semua berdasarkan pengumpulan matlamat, sasaran dan indikator global. Malaysia bersama 193 negara anggota PBB yang lain telah menyatakan komitmen untuk menyokong dan melaksanakan SDG seterusnya mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan.

Saya percaya, penyediaan **Pelan Tindakan Pembangunan Mampan Bandaraya Johor Bahru 2035** ini akan menjadi panduan dan membantu semua jabatan dalaman MBJB dan Agensi Kerajaan mahupun pihak swasta dalam menyelaras, merangka dan melaksanakan perancangan dan pembangunan bandaraya secara mampan, pintar serta berdaya huni yang bertaraf antarabangsa. secara tidak langsung dapat membentuk sebuah pembangunan ke arah mencapai pembangunan untuk semua bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan sejagat di samping dapat memenuhi aspirasi agenda nasional dan global.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

**DATO' HAJI MOHD. NOORAZAM BIN
DATO' HAJI OSMAN**



KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	1
2.0	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN	4
3.0	LATAR BELAKANG, VISI DAN MISI MBJB	12
4.0	MATLAMAT & OBJKTIF	13
5.0	JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BANDARAYA JOHOR BAHRU	14
6.0	STRATEGI PEMBANGUNAN MAMPAN BANDARAYA JOHOR BAHRU	24
7.0	HALATUJU PEMBANGUNAN MAMPAN BANDARAYA JOHOR BAHRU	28
8.0	KESIMPULAN	29



1.0 PENGENALAN

Pelan Tindakan Pembangunan Mampan Bandaraya Johor Bahru (PTPMBJB) 2035 ini merupakan dokumen rujukan induk bagi tujuan untuk memandu hala tuju perancangan pembangunan mampan yang meliputi aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. PTPMBJB 2035 ini mengambil kira situasi pembangunan, kelebihan lokasi Bandaraya Johor Bahru yang strategik serta kekuatan sumber ekonomi sedia ada di Johor Bahru selain menggalakkan kerjasama di antara kerajaan, swasta dan masyarakat.

Dengan penyediaan dokumen PTPMBJB 2035 ini, iaanya akan menjadi panduan bagi setiap jabatan dalaman Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), agensi kerajaan, pihak industri, pemimpin tempatan, orang awam dan pihak-pihak berkepentingan.

Penyediaan PTPMBJB 2035 turut mengambil kira aspirasi-aspirasi kerajaan di peringkat global, nasional dan negeri. Aspek-aspek utama dalam pelaksanaan pembangunan mampan turut diselaraskan dengan mengambil kira konsep Sustainable Development Goals melalui 17 matlamat pembangunan mampan yang telah digariskan.

Bagi memastikan hala tuju dapat dicapai PTPMBJB 2035 ini mengandungi perkara-perkara utama seperti definisi, jawatankuasa pelaksana, strategi asas kepada pelaksanaan pembangunan mampan dan program-program pembangunan mampan yang dijalankan.





1.1 SENARIO PEMBANGUNAN MAMPAN



Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), yang diperkenalkan pada tahun 2015 oleh United Nations General Assembly, merupakan komitmen global ke arah masa depan yang lebih mampan. Ini adalah rangka tindakan menuju ke arah pembangunan mampan, berdaya tahan dan inklusif, yang menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran yang merangkumi lima bidang tumpuan: kemajuan masyarakat, penjagaan bumi, kemakmuran, keamanan dan kerjasama.

Dalam proses melaksanakan 17 SDGs secara sistematik dan dapat diukur, Malaysia telah membangunkan *National SDGs Roadmap* sebagai panduan pelaksanaan Agenda 2030. Roadmap ini merupakan rujukan utama untuk memantau dan menilai kemajuan Malaysia terhadap SDGs, dan menyediakan sasaran untuk mencapai aspirasi nasional. Malaysia akan terus melaksanakan dan memantau sasaran SDGs selepas tahun 2020.

Bagi memastikan agenda global dan nasional dapat dicapai, Kerajaan Negeri Johor telah menyediakan Pelan Pembangunan Negeri Johor (PPMJ) 2030 dengan menekankan tiga konsep pembangunan mampan iaitu Mampan Ekonomi, Mampan Fizikal dan Mampan Sosial yang seterusnya direncanakan melalui lapan teras sepertimana yang digariskan melalui kerangka PPMJ 2030.

Justeru, dalam memastikan pembangunan Bandaraya Johor Bahru seiring dengan pembangunan di peringkat global mahupun nasional PTPMBJB 2035 ini menjadi salah satu strategi yang berperanan sebagai panduan khusus dalam memastikan pembangunan Bandaraya Johor Bahru mampan yang bertaraf antarabangsa.





1.2 DEFINISI PEMBANGUNAN MAMPAN



Pembangunan mampan merupakan satu konsep penting dan menjadi agenda pembangunan utama di seluruh negara. Pengenalan konsep pembangunan mampan membuka laluan kepada satu bentuk pembangunan yang bersifat holistik di mana pembangunan sesebuah negara tidak hanya berorientasikan kepada peningkatan ekonomi semata-mata, tetapi kesejahteraan sosial dan alam sekitar juga turut diberikan perhatian secara seimbang. Walaupun dipersetujui dari segi konsepnya, namun secara praktikalnya setiap negara atau bandar raya bebas memilih kaedah atau gerak kerja untuk mencapai pembangunan mampan mengikut acuan masing-masing.

Terdapat pelbagai definisi mengenai konsep pembangunan mampan yang diketengahkan mengikut perspektif, latar belakang dan penekanan agenda yang berbeza. Antara definisi yang dirujuk dalam PTPMBJB 2035 ini ialah:

Pembangunan mampan ialah “pembangunan yang membolehkan generasi semasa memenuhi keperluannya tanpa mengkompromikan kemampuan generasi mendatang memenuhi keperluan.

Suruhanjaya Dunia mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan, 1987

Pembangunan mampan ialah pembangunan yang mengambil kira keupayaan menampungnya; pengambilan sumber, pengagihan bahan buangan serta kadar pencemaran yang dicetuskan ke atas bandar dan kawasan sekelilingnya.

White & Whitney, 1992

Pembangunan mampan ialah pembangunan bandar yang mengambil kira keadilan sosial, keperluan manusia asas, kesihatan awam, kesedaran persekitaran dari segi ruang dan masa. Salah satu cara untuk mencapai pembangunan mampan tersebut adalah melalui kesihatan ekonomi bandar. Justeru itu, aktiviti ekonomi, peluang pekerjaan dan kemiskinan perlu diambil perhatian dan daripadanya peranan aktiviti informal serta perdagangan skala kecil (*petty commodity sector*) menjadi penting.

David Drakakis-Smith, 1995

Berdasarkan kepada definisi-definisi tersebut dapat disimpulkan bahawa pembangunan mampan ialah agenda yang memenuhi keperluan semasa serta masa hadapan bagi mencapai kesinambungan antara pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar demi kesejahteraan bersama tanpa menjelaskan keperluan generasi seterusnya. Pembangunan mampan merupakan pembangunan yang mengimbangkan pembangunan ekonomi dengan keperluan-keperluan sosial dan alam sekitar di Bandaraya Johor Bahru.

2.0 MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



Sustainable Development Goals (Matlamat Pembangunan Mampan) terdiri daripada 17 Matlamat yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Perhimpunan Agung PBB pada September 2015, di New York, Amerika Syarikat untuk dicapai pada tahun 2030 sebagai agenda demi pembangunan dan kemaslahatan manusia dan Bumi.

17 Matlamat SDGs terdiri daripada 169 sasaran khusus yang merangkumi pelbagai jenis pembangunan mampan seperti membasmikan kemiskinan, meningkatkan mutu kesihatan dan menangani perubahan iklim dan lain-lain.



2.1 SASARAN 17 MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

17 Matlamat Pembangunan Mampan ini diperincikan dengan beberapa sasaran dan petunjuk di bawahnya sebagai batu ukur pencapaian. Senarai sasaran dan petunjuk bagi setiap 17 SDGs telah diterbitkan dalam resolusi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Julai 2017.

Berikut adalah sasaran bagi 17 matlamat tersebut:

No Poverty

Membasmi semua bentuk kemiskinan tegar.

- i. Membasmi **kemiskinan tegar**
- ii. Mengurangkan kemiskinan sekurang-kurangnya 50%
- iii. Melaksanakan **sistem perlindungan sosial** bersesuaian secara nasional
- iv. Hak sama rata untuk pemilikan, perkhidmatan asas, teknologi dan sumber ekonomi
- v. Membina **daya tahan** terhadap bencana alam sekitar, ekonomi dan sosial
- vi. Penggembangan sumber untuk **menamatkan kemiskinan**
- vii. Mewujudkan rangka kerja **dasar pembasmian kemiskinan** di semua peringkat



Food Safety, Nutrition and Health

Zero Hunger

Akhiri kelaparan, mencapai keselamatan makanan serta meningkatkan nutrisi dan mempromosikan pertanian yang mampan.

- i. Akses sejahtera kepada **makanan yang selamat dan berkhasiat**
- ii. Menamatkan semua bentuk malnutrisi
- iii. Menggandakan **produktiviti** dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil
- iv. Pengeluaran makanan yang mampan dan **amalan pertanian yang berdaya tahan**
- v. Mengelakkan **kepelbagaiannya genetik** dalam pengeluaran makanan
- vi. Melabur dalam infrastruktur luar bandar, **penyelidikan pertanian** dan **teknologi**
- vii. Menghalang **sekatan perdagangan pertanian**, gangguan pasaran dan subsidi eksport
- viii. Memastikan **pasaran komoditi makanan yang stabil** dan akses terkini kepada maklumat





Good Health & Well Being

Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan kepada semua individu dalam semua lapisan umur.




- i. Mengurangkan **kematian bersalin**
- ii. Menamatkan semua **kematian boleh dicegah** di bawah umur lima tahun
- iii. Memerangi **penyakit berjangkit**
- iv. Mengurangkan **kematian akibat penyakit tidak berjangkit** dan menggalakkan **kesihatan mental**
- v. Mencegah dan merawat **penyalahgunaan bahan**
- vi. Mengurangkan kecederaan dan **kematian jalan raya**
- vii. Akses sejagat kepada penjagaan seksual dan reproduktif, **perancangan keluarga** dan pendidikan
- viii. Mencapai **perlindungan kesihatan sejagat**
- ix. Mengurangkan penyakit dan **kematian akibat bahan kimia berbahaya** dan pencemaran



Quality Education

Menjamin pendidikan menyeluruh dan ekuiti serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.

- i. Pendidikan rendah dan menengah **percuma**
- ii. Akses sama rata kepada **pendidikan prasekolah** yang berkualiti
- iii. Akses sama rata kepada **pendidikan teknikal, vokasional** dan tinggi yang berpatutan
- iv. Meningkatkan bilangan orang yang mempunyai **kemahiran yang relevan** demi **kejayaan kewangan**
- v. Menghapuskan semua **diskriminasi dalam pendidikan**
- vi. **Literasi** dan numerasi sejagat
- vii. Pendidikan demi pembangunan mampan dan kewarganegaraan global





Clean Water & Sanitation

Memastikan ketersediaan dan pengurusan air dan sanitasi yang mampan.

- i. Air minuman yang selamat dan berpatutan
- ii. Menamatkan pembuangan air terbuka dan menyediakan akses kepada sanitasi dan kebersihan
- iii. Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat
- iv. Meningkatkan kecekapan penggunaan air dan menjamin bekalan air tawar
- v. Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air
- vi. Meluaskan sokongan air dan sanitasi di negara membangun
- vii. Menyokong penglibatan tempatan dalam pengurusan air dan sanitasi

Our Planet Our Health

Clean our air, water & food

#HealthierTomorrow



Affordable & Clean Energy

Memastikan akses kepada tenaga yang mampu dimiliki, mampan dan moden untuk semua.

- i. Akses sejagat terhadap tenaga moden
- ii. Meningkatkan peratusan tenaga boleh diperbaharui global
- iii. Gandakan peningkatan kecekapan tenaga
- iv. Menggalakkan akses kepada penyelidikan, teknologi dan pelaburan dalam tenaga bersih
- v. Memperluas dan menaik taraf perkhidmatan tenaga di negara membangun



Decent Work & Economic Growth

Menggalakkan pertumbuhan ekonomi mampan, inklusif, guna tenaga penuh, produktif dan kerja yang bersesuaian untuk semua.

- i. Pertumbuhan ekonomi mampan
- ii. Mempelbagaikan, berinovasi dan naik taraf untuk produktiviti ekonomi
- iii. Menggalakkan dasar untuk menyokong penciptaan pekerjaan
- iv. Meningkatkan kecekapan sumber
- v. Kadar pekerjaan penuh dan kerja yang layak dengan gaji
- vi. Menggalakkan pekerjaan, pendidikan dan latihan belia
- vii. Menamatkan perhambaan moden, pemerdagangan, dan buruh kanak-kanak
- viii. Melindungi hak buruh dan persekitaran kerja yang selamat
- ix. Menggalakkan pelancongan yang bermanfaat dan mampan
- x. Akses sejagat kepada perkhidmatan perbankan, insurans dan kewangan





Industry, Innovation & Infrastructure

Membina infrastruktur berdaya tahan serta menggalakkan perindustrian inklusif,mampan dan inovasi.



Reduced Inequalities



Mengurangkan jurang pendapatan dalam dan sesama negara.

- i. Mengurangkan ketidaksamaan pendapatan
- ii. Menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik sejagat
- iii. Memastikan peluang sama rata dan menamatkan diskriminasi
- iv. Mengguna pakai dasar fiskal dan sosial yang menggalakkan kesaksamaan
- v. Peraturan yang lebih baik bagi pasaran dan institusi kewangan global
- vi. Perwakilan yang dipertingkatkan untuk negara membangun dalam institusi kewangan
- vii. Dasar migrasi yang bertanggungjawab dan diurus dengan baik



Sustainable Cities

Menjadikan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan.



- i. Perumahan yang selamat dan mampu milik
- ii. Sistem pengangkutan yang berpatutan dan mampan
- iii. Perbandaran inklusif dan mampan
- iv. Melindungi warisan budaya dan semula jadi dunia
- v. Mengurangkan kesan buruk bencana alam
- vi. Mengurangkan kesan alam sekitar bandar
- vii. Menyediakan akses kepada ruang hijau dan awam yang selamat dan inklusif



Responsible Consumption & Production

Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran mampan.

- i. Melaksanakan rangka kerja penggunaan dan pengeluaran mampan 10 tahun
- ii. Pengurusan mampan dan penggunaan sumber asli
- iii. Mengurangkan separuh sisa makanan per kapita global
- iv. Pengurusan bertanggungjawab terhadap bahan kimia dan sisa yang dihasilkan
- v. Mengurangkan penjanaan sisa dengan ketara
- vi. Menggalakkan syarikat untuk menerima pakai amalan mampan dan pelaporan kemampunan
- vii. Menggalakkan amalan perolehan awam yang mampan
- viii. Menggalakkan pemahaman sejagat tentang gaya hidup mampan

ASINGKAN DEMI MASA DEPAN ANAK-ANAK KITA

PENGASINKAN SISA PEPEJAL DI PUNCA

MULAI 1 SEPTEMBER 2018 SEMUA PREMIS

DIWAJIBKAN MENGASINKAN SISA PEPEJAL

Semua premis di seluruh negara mengikut Akta Pengasinkan Sisa Pepejal dan Peraturan Persekutuan Awan 2007 (AKTA 672). Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pulang, Kelantan dan Perlis.



Climate Action



Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim serta kesannya dengan mengawal pengeluaran gas rumah hijau dan menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui.


- i. Memperkuuh daya tahan dan kapasiti penyesuaian terhadap bencana berkaitan iklim
- ii. Mengintegrasikan langkah-langkah menangani perubahan iklim ke dalam dasar dan perancangan
- iii. Membina pengetahuan dan kapasiti untuk memenuhi perubahan iklim
- iv. Melaksanakan Konvensyen Rangka Kerja PBB berkaitan perubahan iklim
- v. Menggalakkan mekanisme untuk meningkatkan kapasiti untuk perancangan dan pengurusan



Life Below Water

Memulihara dan memelihara pantai serta sumber marin bagi pembangunan mampan.

- i. Mengurangkan pencemaran marin
- ii. Melindungi dan memuliharkan ekosistem
- iii. Mengurangkan pengasidan lautan
- iv. Perikanan mampan
- v. Memulihara kawasan pantai dan marin
- vi. Menamatkan subsidi yang menyumbang kepada penangkapan ikan berlebihan
- vii. Meningkatkan faedah ekonomi daripada penggunaan sumber marin secara mampan




15

Life On Land

Memelihara, memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem darat.

- i. Memulihara dan memuliharkan **ekosistem daratan dan air tawar**
- ii. **Menamatkan penebangan hutan** dan memuliharkan hutan yang rosak
- iii. **Menamatkan penggurunan** dan memuliharkan tanah yang rosak
- iv. Memastikan pemuliharaan **ekosistem gunung**
- v. Melindungi biodiversiti dan **habitat semula jadi**
- vi. Kurangkan **urbanisasi**
- vii. **Menghapuskan pemburuan haram** dan pemerdagangan spesies yang dilindungi
- viii. Mencegah spesies asing invasif di darat dan dalam ekosistem air
- ix. Mengintegrasikan ekosistem dan **biodiversiti** dalam perancangan pentadbiran



HUMAN RIGHTS AWARENESS

"A right is not what someone gives you; it's what no one can take from you."
- Ramsey Clark



Peace, Justice And Strong Institutions

16

Menggalakkan masyarakat aman dan menyeluruh untuk pembangunan mampan merangkumi semua peringkat.


- i. Mengurangkan keganasan di mana-mana sahaja
- ii. **Melindungi kanak-kanak** daripada penderaan, eksloitasi, pemerdagangan dan keganasan
- iii. Menggalakkan **kedaulatan undang-undang** dan memastikan akses yang sama kepada keadilan
- iv. Membanteras **jenayah terancang** dan aliran kewangan dan **senjata haram**
- v. Mengurangkan **korupsi** dan **rasuah** dengan ketara
- vi. Membangunkan **institusi yang berkesan**, bertanggungjawab dan telus
- vii. Memastikan **pembuatan keputusan yang responsif, inklusif dan berperwakilan**
- viii. Memperkuuh penyertaan dalam tadbir urus global
- ix. Menyediakan **identiti undang-undang sejagat**
- x. Memastikan akses awam kepada maklumat dan melindungi kebebasan asas



Partnerships For The Goals

Memperkasa dan mempromosi kerjasama global demi pembangunan mampan.

- i. Menggerakkan sumber untuk menambah baik **kutipan hasil dalam negeri**
- ii. Melaksanakan semua komitmen **bantuan pembangunan**
- iii. Menggerakkan sumber kewangan untuk negara membangun
- iv. Membantu negara membangun dalam mencapai **kemampaman hutang**
- v. Melabur di negara kurang maju
- vi. Perkongsian pengetahuan dan kerjasama demi akses kepada **sains, teknologi dan inovasi**
- vii. Mempromosikan **teknologi mampan** kepada negara membangun
- viii. Memperkuuh kapasiti **sains, teknologi dan inovasi** untuk negara kurang membangun
- ix. Peningkatan kapasiti SDG di negara membangun
- x. Menggalakkan **sistem perdagangan sejagat** di bawah WTO
- xi. Meningkatkan eksport negara membangun
- xii. Menghapuskan halangan perdagangan bagi negara kurang membangun
- xiii. Meningkatkan kestabilan makroekonomi global
- xiv. Meningkatkan keselarasan dasar untuk pembangunan mampan
- xv. Menghormati kepimpinan negara untuk melaksanakan dasar bagi matlamat pembangunan mampan
- xvi. Meningkatkan **kerjasama global** demi pembangunan mampan
- xvii. Menggalakkan kerjasama berkesan
- xviii. Meningkatkan ketersediaan **data boleh dipercayai**
- xix. Membangunkan lagi **ukuran kemajuan**



Public-Private Partnership

[*pə-blik' pri-vət' pār-tnər-ship*]

A collaboration between government and private enterprise, often on large infrastructure projects that the private partner may finance, plan, or execute.




E-Governance
An eminent way of bridging
the citizens & government electronically

BLS
Business Line



3.0 LATAR BELAKANG, VISI DAN MISI MBJB

Pusat Bandaraya Johor Bahru merupakan kawasan pentadbiran di bawah Majlis Bandaraya Johor Bahru berkeluasan 37,318 hektar dengan jumlah penduduk seramai 858,118 orang. Merangkumi 5 mukim utama iaitu Mukim Tebrau, Mukim Pulai, Mukim Bandar, Mukim Plentong dan Mukim Bandar. Bandaraya Johor Bahru merupakan sebuah bandaraya yang sedang membangun dan berdaya selain Kuala Lumpur, Bandar Kuching dan Kota Kinabalu. Penubuhan Wilayah Iskandar, telah memberikan pelbagai faedah pembangunan terutamanya dalam konteks keyakinan pelabur dalam dan luar Negara untuk melaksanakan pelbagai pelaburan berimpak tinggi di bandaraya ini.



VISI

Memperkuuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Banda Raya Bertaraf ANTARABANGSA, BERBUDAYA Dan LESTARI

Mengukuhkan peranan organisasi sebagai PEMACU dan PEMUDAH CARA STRATEGIK yang RESPONSIF terhadap perubahan untuk semua pihak berkepentingan



MISI
Memastikan pembangunan bandaraya yang **MAMPAJ, SEJAHTERA** dan **MAKMUR** serta **TINGGI** jati diri **BUDAYA**



Menyediakan SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP, TADBIR URUS BERKREDIBILITI TINGGI, PENGURUSAN SUMBER yang BERKESAN dan TEKNOLOGI BERINOVASI untuk manfaat warga bandar raya

Meskipun kepesatan pembangunan turut menjanakan isu-isu perbandaran, namun pendekatan yang holistik dan seimbang diyakini dapat mewujudkan persekitaran mampan yang dapat memenuhi keperluan dan aspirasi keseluruhan warga kotanya sekaligus merealisasikan visi Majlis Bandaraya Johor Bahru iaitu Johor Bahru Bandaraya Antarabangsa, Berbudaya dan Lestari.



4.0 MATLAMAT & OBJEKTIF



“Menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan Mampan 2035 bagi kawasan Bandaraya Johor Bahru untuk memandu hala tuju pelaksanaan *Sustainable Development Goals (SDGs)* secara holistik dan bersepadu demi kesejahteraan komuniti dan persekitaran yang berkualiti serta menyumbang kepada usaha global bagi merealisasikan aspirasi Agenda 2030.”

Bagi mencapai matlamat di atas, antara objektif dokumen PTPMBJB 2035 adalah seperti berikut:

1

Menterjemah konsep pembangunan mampan dan agenda pembangunan mampan secara jelas kepada semua pihak berkepentingan;

2

Memandu hala tuju perancangan agenda yang selari dengan matlamat pembangunan mampan;

3


Meningkatkan penyertaan daripada pihak berkepentingan dalam proses merealisasikan agenda mampan;

4

Meletakkan fungsi dan kepentingan Jawatankuasa Pembangunan Mampan Bandaraya Johor Bahru untuk memacu penyertaan pihak awam dan swasta.

5.0 JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAJ BANDARAYA JOHOR BAHRU

Jawatankuasa Pembangunan Mampan peringkat Majlis Bandaraya Johor Bahru ini dipengerusikan oleh Datuk Bandar dan mempunyai 9 jawatankuasa. Setiap jawatankuasa dipengerusikan oleh Ahli Majlis dan dibantu oleh Pengarah Jabatan-Jabatan MBJB yang bertindak sebagai timbalan pengurus. Ahli-ahli yang menganggotai setiap jawatankuasa terdiri daripada persatuan penduduk, NGO, agensi Kerajaan dan agensi swasta yang berkaitan. Setiap jawatankuasa mempunyai peranan khusus yang mengambil kira kepada 17 Matlamat Pembangunan Mampan.





5.1 PERANAN JAWATANKUASA

Berikut merupakan perincian peranan khusus Jawatankuasa Pembangunan Mampan peringkat Majlis Bandaraya Johor Bahru yang mengambilkira 17 Matlamat Pembangunan Mampan:

5.1.1 JAWATANKUASA PENGUKUHAN INSTITUSI DAN SIVIK

Peranan khusus Jawatankuasa Pengukuhan Institusi dan Sivik ialah pembinaan institusi-institusi yang kukuh di dalam masyarakat beserta dengan penerapan nilai sivik yang ampuh amat penting untuk penyatuan dan pembentukan warga bandar raya yang bertanggungjawab, berjati diri dan beridentiti cemerlang. Kewujudan berbilang institusi masyarakat di dalam Bandaraya Johor Bahru yang meliputi pertubuhan, persatuan, organisasi dan kepimpinan-kepimpinan di pelbagai peringkat dan lapisan perlu diberikan perhatian dan dibantu agar dapat berkembang secara positif selari dengan hasrat untuk **meningkatkan penyertaan komuniti di dalam agenda pembangunan yang mampan.**

Idea-idea, kreativiti, penyertaan dan daya usaha yang baik daripada pelbagai kelompok institusi wajar diiktiraf agar dapat menjadi input berkesan yang boleh digarapkan untuk pembangunan Bandaraya Johor Bahru secara holistik. Usaha-usaha untuk **menerapkan kesedaran sivik kepada setiap warga kota** juga harus dipergiatkan melalui pelbagai medium dan kaedah bagi **melahirkan komuniti yang berkualiti dan dapat menghayati aspirasi pembangunan yang dibawa oleh pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru.** Justeru, sebaran maklumat dan ilmu pengetahuan perlu dibuat secara berterusan yang mana agenda ini juga bertepatan dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat. Peranan Jawatankuasa ini berkaitrapat dengan sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) berikut:

Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.



Menggalakkan masyarakat yang aman dan inklusif untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan menyeluruh pada semua peringkat.

5.1.2 JAWATANKUASA KERJASAMA AWAM DAN SWASTA

Peranan khusus Jawatankuasa Kerjasama Awam dan Swasta Majlis Bandaraya Johor Bahru mengiktiraf kepentingan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam usaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada warga kota Johor Bahru. Jalinan kerjasama ini tidak hanya melibatkan agensi kerajaan yang lain , malahan juga pelbagai sektor swasta melalui pendekatan kerjasama awam-swasta yang dapat menambah manfaat kepada semua pihak yang terlibat terutamanya masyarakat.

Selain mengenal pasti peluang kerjasama, jawatankuasa ini juga berperanan **menggalakkan pengembangan inovasi dan daya tahan dalam solusi aktiviti dan projek perbandaran**. Penghargaan boleh diberikan kepada mana-mana pihak yang dapat memberikan sumbangan daripada hasil kerjasama yang dilaksanakan. Peranan tersebut berkait rapat dengan sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) berikut:-



Membina infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian inklusif dan mampan serta menggalakkan inovasi.

Memperkuuh kaedah pelaksanaan dan menggiatkan semula perkongsian global untuk pembangunan mampan.





5.1.3 JAWATANKUASA KEMAKMURAN EKONOMI SETEMPAT

Peranan khusus Jawatankuasa Kemakmuran Ekonomi Setempat dalam usaha untuk menambahbaik kualiti hidup warga kota Johor Bahru, tahap pendapatan setiap ahli masyarakat perlu dipertingkatkan melalui **usaha mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di dalam pelbagai sektor ekonomi setempat**. Program-program berkaitan peluang kerjaya contohnya, dapat membantu ahli masyarakat memperolehi pekerjaan yang bersesuaian dengan pendapatan yang lebih baik.

Selain itu, **pembinaan pelbagai rantaian sektor ekonomi mikro** juga dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan seperti industri kecil dan sederhana (IKS), perniagaan, pertanian dan perkhidmatan. Jawatankuasa ini berperanan untuk merancang **strategi dan program yang akan dapat membantu meningkatkan peluang pekerjaan, menambahkan hasil atau pendapatan serta mewujudkan ekosistem ekonomi yang baik** untuk masyarakat. Peranan jawatankuasa ini selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) berikut:-



Membasmi semua jenis kemiskinan di seluruh dunia.

Menggalakkan pertumbuhan ekonomi mampan, inklusif, guna tenaga penuh, produktif dan kerja yang bersesuaian untuk semua.

Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang mampan.



5.1.4 JAWATANKUASA ALAM SEKITAR DAN SUMBER JAYA AIR

Peranan khusus Jawatankuasa Alam Sekitar dan Sumber Jaya Air ialah mengimbangi aktiviti perbandaran dengan usaha pemeliharaan alam sekitar untuk mencapai pembangunan secara mampan. Kemajuan Bandaraya Johor Bahru tidak diukur daripada tahap pembangunan ekonominya semata-mata, tetapi juga daripada kelestarian alam sekitar yang menjadi sebahagian lagi wadah dalam kehidupan untuk kesejahteraan warga kota. Kemerosotan kualiti alam sekitar kesan daripada aktiviti manusia dan perbandaran harus ditangani dengan segera.

Agenda ini perlu **melibatkan penyertaan semua pihak terutamnya komuniti secara bersepadu**. Kesedaran berkenaan kepentingan penjagaan alam sekitar harus dipertingkatkan dan program-program juga hendaklah diperluas dan dipergiatkan lagi untuk **menghenti dan merawat kemerosotan biodiversiti** yang berlaku. Peranan Jawatankuasa ini berkait rapat dengan sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) berikut:-



Memastikan ketersediaan dan kelestarian pengurusan air dan sanitasi yang mampan.

Memulihara dan memelihara pantai serta sumber marin bagi pembangunan mampan.

Memelihara, memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem darat.





5.1.5 JAWATANKUASA KEBERSIHAN DAN KITAR SEMULA

Peranan khusus Jawatankuasa Kebersihan dan Kitar Semula ialah **aspek kebersihan** merupakan perkara yang paling penting dalam mewujudkan **persekitaran yang kondusif untuk didiami** oleh penduduk Bandaraya Johor Bahru . Namun begitu, ia juga merupakan cabaran yang paling besar untuk direalisasikan sekiranya kerjasama dari semua peringkat dan lapisan masyarakat tidak dapat diperolehi. Senario semasa menunjukkan peningkatan jumlah penduduk dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru berlaku setiap tahun. Pertambahan penduduk ini adalah seiring dengan peningkatan kapasiti sampah yang dijana setiap hari dan trend peningkatan ini akan terus berlaku. Masalah yang paling ketara adalah jumlah tapak pelupusan sampah adalah semakin terhad dan hampir mencapai tahap maksimum kapasitinya.

Pembukaan tapak pelupusan sampah yang baru hanya akan meningkatkan pelepasan gas rumah hijau serta penggunaan tenaga yang banyak untuk penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan yang lebih jauh. Bagi menangani isu kritikal ini, konsep '**Waste to Wealth**' perlu diperkuuh dan dilaksanakan secara progresif selain **mengenal pasti kaedah atau teknologi baru pengurusan sisa pepejal yang lebih efisyen** di dalam Bandaraya Johor Bahru. Peranan tersebut berkait rapat dengan sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) berikut:-

7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY 
13 CLIMATE ACTION 
15 LIFE ON LAND 

Memastikan akses kepada tenaga mampu dimiliki, mampan dan moden untuk semua.

Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim serta kesannya dengan mengawal pengeluaran gas rumah hijau dan menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui.

Memelihara, memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem darat.



5.1.6 JAWATANKUSA PEMBANGUNAN SOSIAL DAN INSKLUSIVITI

Peranan khusus Jawatankuasa Pembangunan Sosial dan Insklusiviti ialah Majlis Bandaraya Johor Bahru sentiasa mengamalkan **sistem tadbir urus yang inklusif melalui kerjasama pintar dan penglibatan** dengan pelbagai pihak termasuk pemaju, pengilang, peniaga dan semua lapisan masyarakat. Inklusiviti merupakan prinsip utama dalam agenda pembangunan sosioekonomi di kawasan Bandaraya Johor Bahru bagi memastikan warga bandar raya tanpa mengira **jantina, etnik, status sosioekonomi** dan **kedudukan geografi**, menikmati manfaat limpahan pembangunan yang sedang berlaku.

Justeru, bagi mencapai matlamat ini, penekanan secara berterusan bagi **penyediaan akses kepada pendidikan dan latihan, infrastruktur dan peluang pekerjaan** terus diperkuuh bagi melonjakkan pencapaian untuk semua Masyarakat terutama golongan berpendapatan rendah. Ia secara tidak langsung dapat membangunkan sebuah **masyarakat yang progresif, mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara**. Peranan tersebut berkait rapat dengan sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) berikut:-



Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita serta kanak-kanak perempuan.

Mengurangkan jurang pendapatan dalam dan sesama negara.

Menjadikan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan.





5.1.7 JAWATANKUASA KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN

Peranan khusus Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan ialah menyediakan perkhidmatan perbandaran dan kesihatan awam yang berkualiti bagi memastikan **kesejahteraan hidup penduduk di Bandaraya Johor Bahru**. Selain itu, program kesedaran dan pendidikan kesihatan awam seperti penjagaan kebersihan, pemakanan, dan kehidupan yang sihat akan terus dipergiat.

Program kesihatan awam lain seperti pengawalan penyakit zoonotik (penyakit yang disebabkan haiwan) dan pengawalan wabak penyakit berjangkit seperti denggi, Covid 19 dan lain-lain akan terus disokong dan dilaksanakan bersesuaian dengan skop PBT. Kemudahan ini akan menjadi pelengkap kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan sedia ada yang disediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Peranan tersebut berkait rapat dengan sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) berikut:-

Akhiri kelaparan, mencapai keselamatan makanan serta meningkatkan nutrisi dan mempromosi pertanian yang mampan.

Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan kepada semua individu dalam semua lapisan umur.

Menjadikan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan.



5.1.8 JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN REKREASI

Peranan khusus Jawatankuasa Pelancongan dan Rekreasi ialah usaha dan kerjasama dari semua pemegang taruh bagi meningkatkan peranan dan potensi Bandaraya Johor Bahru sebagai hab pelancongan “**heritage and urban lifestyle**” bernilai tinggi. Kedudukan Bandaraya Johor Bahru yang strategik yang berada dalam ruang lingkup pembangunan Iskandar Malaysia serta merupakan pintu masuk antarabangsa selatan Malaysia memberi banyak kelebihan dan peluang dalam pembangunan sektor pelancongan. Kelebihan ini perlu digunakan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru dalam mendapatkan limpahan ekonomi hasil dari kemasukan para pelancong ke dalam Bandaraya Johor Bahru.

Fokus utama bagi tujuan ini adalah **melalui penambahbaikan ke atas produk-produk pelancongan sedia ada dan baru** yang perlu dipakejkan agar lebih menarik dan berdaya saing. Selain itu, **pengurusan destinasi, promosi dan pemasaran serta pembangunan infrastruktur pelancongan** juga perlu dilihat secara komprehensif dan progresif bagi mengubah landskap pelancongan Johor Bahru seiring dengan imejnya sebagai pintu masuk antarabangsa selatan Malaysia. Peranan tersebut berkaitrapat dengan sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) berikut:-



Menggalakkan pertumbuhan ekonomi mampan, inklusif, guna tenaga penuh, produktif dan kerja yang bersesuaian untuk semua.



Memulihara dan memelihara pantai serta sumber marin bagi pembangunan mampan.



Memelihara, memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem darat.





5.1.9 JAWATANKUASA PENGINDAHAN DAN KECERIAAN

Peranan khusus Jawatankuasa Pengindahan dan Keceriaan ialah sebagai salah sebuah Bandaraya yang terletak berhampiran dengan sebuah Negara maju iaitu Singapura, pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru sentiasa berusaha mewujudkan **persekitaran bandar raya yang indah, selesa, selamat dan bersih** serta menyediakan kemudahan rekreasi yang pelbagai bagi kegunaan pengunjung tempatan maupun luar negara. Pengindahan dan keceriaan Bandaraya Johor Bahru bukan terletak hanya di bahu MBJB sahaja, tetapi ia juga merupakan **tanggungjawab sosial semua pemegang taruh** di dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru.

Kerjasama di antara rakan operasi strategik ini amat penting dalam mengubah landskap dan imej baru Bandaraya Johor Bahru di samping dapat mewujudkan '**sense of belonging**' dalam kalangan warga Bandaraya Johor Bahru. Peranan tersebut berkait rapat dengan sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) berikut:-

Menjadikan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan.

Memelihara, memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem darat.




6.0 STRATEGI PEMBANGUNAN MAMPAK BANDARAYA JOHOR BAHRU

6.1 PELAKSANAAN RANCANGAN PEMAJUAN

Majlis Bandaraya Johor Bahru mempunyai dokumen Rancangan Tempatan (RT) yang telah diwartakan sebagai rujukan utama pembangunan. Segala usaha perancangan seimbang meliputi aspek fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar terkandung di dalam dokumen tersebut untuk rujukan semua pihak yang berkepentingan.

Selain itu, MBJB juga telah menyediakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) sebagai panduan yang lebih terperinci yang mana hendaklah digunakan sebagai rujukan asas pelaksanaan projek oleh semua pihak sama ada jabatan-jabatan dalaman MBJB mahupun agensi kerajaan yang lain.

Berikut merupakan dokumen-dokumen perancangan yang telah disediakan dengan mengambil kira agenda pembangunan mampan:



Kod QR Laporan
Kajian:



Imbas di sini




6.2 PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN KHAS BANDAR PINTAR BANDARAYA JOHOR BAHRU 2035



Pelan Tindakan Khas Bandar Pintar Bandaraya Johor Bahru 2035 dibangunkan bagi mempersiapkan MBJB dengan elemen pintar dalam pengurusan perbandaran pintar yang cekap dan memperkasakan penduduk kawasan pentadbiran MBJB ke arah transformasi bandar pintar (*People Centric Smart City*).

Pelan tindakan ini telah **mensasarkan sebanyak 79 inisiatif** bandar pintar sedia ada dan cadangan projek daripada 85 indikator bandar pintar MS ISO 37122. Sebanyak **124 projek/program** yang dipecahkan kepada 4 fasa iaitu fasa 1: *quick win*, fasa 2: *short term*, fasa 3: *medium term* dan fasa 4: *long term*.

6.3 PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN MASYARAKAT RENDAH KARBON MBJB 2025



Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon MBJB 2025 ini diadaptasikan bagi tujuan mengurangkan pelepasan karbon di Bandaraya Johor Bahru, mengintegrasikan pelan atau projek sedia ada berkaitan pelan mitigasi perubahan iklim atau *climate change mitigation plan*.

Dokumen pelan tindakan ini mengandungi **12 indikator** dan **247 program/projek** yang perlu dilaksanakan oleh MBJB dengan kerjasama agensi swasta, pemaju, NGO dan warga Bandaraya Johor Bahru. Antara elemen yang dititikberatkan dalam pelan ini adalah berkenaan pembangunan bandar raya mampan serta tindakan segera terhadap isu perubahan iklim.

6.4 MENGAMBILKIRA INISIATIF PELAN PEMBANGUNAN MAMPAN JOHOR 2030



Pelan Pembangunan Mampan Johor PPMJ 2030 merupakan dokumen rujukan induk bagi tujuan perancangan pembangunan negeri meliputi aspek ekonomi dan juga sosial. Penyediaan PPMJ 2030 mengambil aspirasi Kerajaan Negeri menerusi 7 ikhtiar Makmur Johor.

Tiga aspek yang mendasari PPMJ2030 turut diselaraskan dengan konsep pembangunan mampan global iaitu **mampan ekonomi, mampan fizikal dan mampan sosial** yang seterusnya direncanakan melalui **Lapan Teras** sepertimana digariskan melalui kerangka PPMJ 2030.

6.5 TERLIBAT DALAM PENGUKURAN MURNInets INISIATIF PERINGKAT NASIONAL



MURNInets merupakan singkatan kepada Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development). Ia merupakan satu pendekatan yang dapat mengukur dan menilai kemampuan sesebuah bandar serta kawasan gabungannya melalui penggunaan penunjuk bandar.

Ia melibatkan **11 sektor utama** yang merangkumi **40 penunjuk kemampuan bandar** dan menjadi program utama bukan hanya di peringkat jabatan malah di peringkat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta digunakan oleh kementerian lain yang berkaitan. Di peringkat PBT ia menjadi **satu sistem untuk mengukur dan menilai kemampuan sesebuah kawasan PBT** melalui **satu set penunjuk yang telah ditetapkan**.



6.6 MENGAMBILKIRA GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEJIRANAN HIJAU



Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau disediakan oleh PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) dan telah diterima pakai di peringkat MJB pada 2011 yang bertujuan untuk merancang, mengawal dan menyediakan mekanisma dalam pelaksanaan pembangunan kejiranan hijau.

MJB mula menjalankan pembangunan hijau bermula pada tahun 2012 selaras dengan pemakaian Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau dan panduan **5 inisiatif Pembangunan kejiranan hijau** peringkat MJB iaitu **pembangunan kebun kejiranan, penyediaan laluan pejalan kaki, program pengkomposan sisa, penyediaan laluan basikal dan sistem pengumpulan penggunaan semula air hujan**.

6.7 MENGAMBILKIRA PENGLIBATAN AWAM DAN PIHAK BERKEPENTINGAN



Penglibatan orang awam dan pihak-pihak berkepentingan merupakan aktiviti yang penting dalam setiap proses perancangan pembangunan. Elemen inklusiviti harus diterapkan di dalam sesbuah perancangan agar pihak berkepentingan mempunyai ruang dalam menyampaikan pandangan serta idea bagi membantu menambah baik perancangan pembangunan. Penglibatan awam yang dirangka dengan baik dan dijalankan secara berterusan mampu mempengaruhi tahap penerimaan individu atau komuniti terhadap cadangan pembangunan. Pihak berkuasa dapat membuat keputusan yang tepat dalam menentukan hala tuju sesuatu cadangan pembangunan setelah mengambil kira pandangan semua pihak.



7.0 HALATUJU PEMBANGUNAN MAMPAK BANDARAYA JOHOR BAHRU

JK Pemandu Kebangsaan Projek
Sustainable City In Malaysia

MURNInets

URUSETIA :
Bahagian Dasar
dan Inspektorat
KPKT
bersidang 2 kali
setahun

NASIONAL

Majlis Tindakan Pembangunan Hijau &
Rendah Karbon Negeri Johor

URUSETIA :
Bahagian SUK
Kerajaan Tempatan
& Bahagian
Perancang
Ekonomi Johor
bersidang 3 kali
setahun

NEGERI

Jawatankuasa Kesihatan &
Alam Sekitar MBJB

URUSETIA :
Jabatan
Kesihatan MBJB
bersidang 12 kali
setahun

MBJB

Task Force Kejiranan Hijau/ LCS MBJB





8.0 KESIMPULAN

Pelan Tindakan Pembangunan Mampan Bandaraya Johor Bahru atau PTPMBJB 2035 adalah dokumen rujukan inklusif dan komprehensif yang dirangka dengan mengambil kira kepentingan penduduk bandar sebagai agenda utama tunjang 17 matlamat pembangunan mampan. Bagaimanapun, impak permintaan terhadap perubahan prasarana kehidupan yang terarah kepada rancangan pembangunan bandar raya. Pada masa sama, ia juga akan berfungsi sebagai dokumen hala tuju dalam memacu pembangunan Bandaraya Johor Bahru secara progresif dan dinamik, sekali gus memastikan kesejahteraan penduduk bandar menjadi keutamaan dalam pembangunan Bandaraya Johor Bahru. Untuk mencapai matlamat tersebut, anjakan paradigma diperlukan dalam misi menjadikan Bandaraya Johor Bahru berprestasi tinggi yang menyantuni keperluan penduduk bandaraya yang berprestij antarabangsa.

PTPMBJB 2035 secara ringkasnya bertujuan untuk mencorakkan masa depan Bandaraya Johor Bahru untuk tempoh 10 tahun akan datang, dan kerjasama antara kerajaan, industri, masyarakat, serta pihak-pihak berkepentingan dalam usaha merealisasikan segala strategi dirancang. Kesimpulannya, jika misi dan visi PTPMBJB 2035 ini dapat disempurnakan, Bandaraya Johor Bahru pada 2035 bakal muncul dan gah sebagai bandaraya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari serta pembangunan bandaraya yang mampan, sejahtera dan teknologi berinovasi.





MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum,
80300 Johor Bahru, Johor, Malaysia



Tel: +607-2198000
Fax: +607-2198203



www.mbjb.gov.my





PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN MAMPAK
BANDARAYA JOHOR BAHRU 2035